

# SIARAN MEDIA

*Untuk siaran segera*

## **PORTAL KONTRAKTOR MALAYSIA DAN KAD LAPORAN KONTRAKTOR BAHARU MEMBOLEHKAN PENGGIAT INDUSTRI PEMBINAAN BERURUSAN DENGAN LEBIH MUDAH DAN TELUS**

**KUALA LUMPUR (15 Februari 2022)** – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) hari ini telah memperkenalkan Portal Kontraktor Malaysia (MCP) dan Kad Laporan Kontraktor (CRC). Inisiatif MCP dan CRC yang dibangunkan oleh CIDB adalah untuk memacu penggunaan teknologi dalam industri pembinaan negara bagi memastikan kemampanan, kecekapan serta ketelusan. Majlis pelancaran diadakan di Pusat Konvensyen CIDB dan telah disempurnakan oleh Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia, mewakili Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Menteri Kanan Kerja Raya.

Selaras dengan objektif Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dan Dasar Pembinaan Negara 2030 (NCP 2030) yang bertemakan "Digitalisasi Sektor Pembinaan", CIDB telah berkerjasama dengan pelbagai agensi seperti Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Suruhanjaya Tenaga (ST) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk membangunkan MCP sebagai portal sehenti penggiat industri pembinaan untuk berurusan dan berinteraksi dengan pihak berkepentingan yang lain.

## **MCP dan CRC**

MCP merupakan sebuah portal berpusat pendaftaran kontraktor yang telah dibangunkan oleh CIDB Malaysia bagi memudahkan urusan kontraktor dengan agensi-agensi seperti Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Suruhanjaya Tenaga (ST), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) serta Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) belum lagi bekerjasama.

“Saya berharap lebih banyak lagi agensi berkaitan akan menyertai MCP agar dapat memudahkan ahli komuniti industri pembinaan di Malaysia untuk berinteraksi dengan mudah dalam satu portal,” kata Datuk Ir. Ahmad ‘Asri Abdul Hamid, Ketua Eksekutif CIDB, dalam ucapan alu-aluannya.

Portal MCP, yang juga merupakan usaha penambahbaikan oleh CIDB daripada Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu (CIMS), dengan tujuan memperbaiki dan mempermudahkan proses pendaftaran di kalangan kontraktor dengan agensi kawal selia yang terlibat. Portal ini menyediakan *Single Sign-In* dan semakan status dan permohonan pendaftaran terkini bagi memudahkan pihak kontraktor berurus dan berinteraksi dengan agensi kerajaan yang berdaftar di bawah MCP.

MCP juga menyediakan Kad Laporan Kontraktor (CRC) yang membolehkan agensi-agensi, pemilik projek, serta orang ramai memeriksa latar belakang sesebuah syarikat kontraktor yang didaftar dalam MCP melalui profil mereka. Pelbagai maklumat kontraktor yang terdapat dalam CRC ini termasuklah senarai projek yang diisytihar, senarai sijil yang diraih syarikat tersebut seperti SCORE, ISO, dan sijil *Health & Safety*, dan juga tindakan disiplin atau undang-undang yang pernah dikenakan terhadap kontraktor terbabit. Ini akan membantu mereka membuat keputusan untuk memilih kontraktor yang layak, mempunyai rekod prestasi yang baik dan berupaya menyiapkan sesuatu projek dengan sebaiknya akan dipilih untuk melengkapkan projek-projek pembinaan.

MCP boleh dicapai melalui <https://mcp.cidb.gov.my>, dan pengguna boleh menggunakan login CIMS sedia ada. Pengguna baru boleh mendaftar terus di MCP melalui pautan <https://mcp.cidb.gov.my/MCP/Login>.

## **Mengenai CIDB Malaysia**

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

---